

Kos haji dijangka naik, TH jamin beri subsidi

BERITA HARIAN 3/10/2023 N/S: 1

Oleh **Latifah Arifin**

latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kos haji pada musim hadapan dijangka meningkat sehingga 11 peratus disebabkan pelbagai faktor susulan impak pasca pandemik COVID-19 yang di luar kawalan agensi pengurusan haji.

Antara faktor penyumbang ialah kos penginapan, pengangkutan, penerbangan dan makan minum di Tanah Suci, selain peningkatan kadar inflasi,

nilai mata wang, caj perkhidmatan dan perubahan pada sistem, termasuk bagi permohonan visa di pihak Arab Saudi.

Perkembangan itu diperjelaskan Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Tan Sri Azman Mokhtar pada sidang media sempena Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji dan Penghargaan Sahabat Korporat Lembaga TH Bagi Musim Haji 1444H/2023M, di sini semalam.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan, TH akan tetap sedaya upaya memberikan bantuan kewangan haji

atau subsidi bagi jemaah Malaysia, khususnya kepada golongan memerlukan dan berkelayakan.

Jaminan sama turut diberikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar yang turut serta pada sidang media sama, menegaskan TH akan meneruskan bantuan kewangan haji bersasar untuk jemaah B40 dan M40 bagi musim haji 1445H/2024M.

Nasional 7

Bantuan kewangan haji diteruskan secara bersasar

BERITA HARIAN 3/10/2023 N/S: 17

Dari Muka 1

Mengulas lanjut, Azman berkata, kenaikan Cukai Nilai Tambah (VAT) sekitar lima hingga enam peratus yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi turut memberi kesan kepada kos haji.

"Walaupun ada banyak cabaran besar dengan kebanyakan kos naik mendadak, kita masih cuba membantu," katanya sambil memaklumkan, bagi musim haji tahun ini, bantuan bayaran haji yang dikeluarkan TH adalah RM265 juta, lebih tinggi berbanding kos sebenar haji.

"Untuk jemaah haji B40 contohnya, bantuan yang diberikan sehingga 63 peratus, manakala M40 pula sebanyak 50 peratus," katanya.

Untuk rekod, TH meneruskan bantuan kewangan haji secara bersasar tahun ini walaupun kos

menunaikan haji naik kepada RM30,850 berbanding RM28,632 tahun lalu. Menerusi bantuan itu, jemaah haji B40 hanya perlu membayar RM10,980, manakala M40 pula RM15,980.

Azman menjelaskan, faktor lain yang juga di luar kawalan agensi pengurusan jemaah haji ialah pembangunan pesat sekitar Kota Makkah yang membatitkan penyediaan lebih banyak fasiliti meliputi pembangunan hotel mewah, terutama berdekatan Masjidilharam.

Situasi itu, katanya, memberi cabaran lebih besar kepada TH untuk musim haji akan datang, namun TH akan mengekalkan kemudahan penempatan strategik dengan jarak lebih dekat untuk jemaah haji Malaysia.

Katanya, TH memang menjangkakan kenaikan sekitar lima hingga enam peratus kos haji setiap tahun bagi jangka pan-

jang, namun disebabkan impak pandemik COVID-19, kenaikan dijangka lebih daripada unjuran.

Sementara itu, Mohd Na'im ketika memberi jaminan TH akan meneruskan bantuan kewangan haji secara bersasar untuk jemaah B40 dan M40 tahun hadapan, berkata mekanisme itu paling berkesan bagi mengurangkan tanggungan kewangan terlalu tinggi perlu dibiayai TH.

Pada masa sama, katanya, kaedah itu dilihat wajar bagi memastikan kelestarian TH, terutama bagi melindungi kepentingan pendepositnya.

"Setakat ini, daripada apa yang saya lihat, jemaah dalam kalangan T20 tidak ramai, iaitu sekitar dua peratus saja. Paling ramai bakal jemaah adalah dalam kalangan M40 dan B40. Ketika kita mahu memberikan subsidi ini, kita perlu pastikan TH

terus lestari.

"Kita juga tidak mahu menjejaskan kepentingan pendeposit sebab TH perlu membayar agihan keuntungan kepada hampir sembilan juta pendepositnya. Jika tak laksanakan subsidi secara bersasar, ia akan menjejaskan pengagihan keuntungan munasabah kepada pendeposit.

"Jadi kita tak boleh beri bantuan kewangan haji kepada semua," katanya yang ketika ditanya kemungkinan TH mengkaji semula kategori jemaah untuk menerima bantuan kewangan haji, menjelaskan perkara itu sememangnya dibincangkan dari semasa ke semasa.

Beliau yang turut menyampaikan cenderamata kepada 55 agensi kerajaan, swasta dan rakan strategik TH yang terbabit menguruskan operasi haji tahun ini pada majlis semalam, ber-

kata TH sentiasa mengambil kira semua faktor, termasuk kos sara hidup rakyat dalam menentukan bantuan kewangan haji.

Mengenai persediaan untuk musim haji tahun depan, Mohd Na'im berkata, ia mula digerakkan sebaik musim haji semasa berakhir, termasuk untuk penambahbaikan perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah haji negara.

"Datuk Seri Syed Saleh (Pengerah Eksekutif Haji TH, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman) sedang meneruskan perbincangan ini, termasuk melihat apa saja kekurangan, khususnya ketika 'masyair' (perjalanan kemuncak ibadah haji) di Mina, Muzdalifah dan Arafah untuk tambah baik.

"Antara isu dikenal pasti adalah mengenai penempatan jemaah di khemah, pengangkutan, makanan dan tandas," katanya.